

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 23 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1441-MQT1197
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan pelaksanaan Geran Khas Prihatin (GKP) dan bagaimana pula peranan Bank-Bank Pembangunan dalam membantu peniaga kecil atau mikro supaya mereka dapat meneruskan perniagaan.

2. PR-1441-MQT1204
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan penjelasan kepada pihak sekolah dan ibu bapa yang sedang keliru bagaimana melaksanakan pembukaan sekolah secara penggiliran 50% PdP Bersemuka dan 50% PdPR. Jelaskan apakah perincian pelaksanaan dan bagaimanakah seorang cikgu mengajar PdP Bersemuka dan online PdPR pada masa yang sama.

3. PR-1441-MQT1198
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah kes keganasan rumah tangga yang telah dilaporkan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan serta apakah bentuk sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga yang telah diberikan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 23 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1441-L11798
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha untuk menambah baik capaian internet bagi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar bagi memastikan pembelajaran berteraskan teknologi dan IR4.0 dapat direalisasikan.

2. PR-1441-L11597
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kewangan negara setelah pandemik COVID-19 memasuki tempoh tahun kedua dari segi kutipan hasil negara pelbagai sumber dan tanggungan perbelanjaan yang dipikul untuk membawa negara keluar dari kesengsaraan.

3. PR-1441-L11498
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lepar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah untuk menambah baik kaedah pembelajaran secara maya bagi pelajar institusi pengajian tinggi untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi mereka ekoran bebanan tugas, masa kuliah yang padat dan kaedah penilaian yang ketat hingga menyaksikan beberapa kes kematian pelajar akibat tekanan.

4. PR-1441-L11780
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-
- (a) jumlah perbelanjaan langsung Kerajaan bagi program bantuan bakul makanan (tidak mengambil kira sumbangan daripada GLC dan NGO) bagi tahun 2020 dan 2021; dan
 - (b) jumlah isi rumah dan nilai bantuan bakul makanan yang diagihkan di Sabah dan Parlimen Sepanggar, serta mekanisme yang diguna pakai bagi menentukan golongan yang layak menerima bantuan.
5. PR-1441-L11973
Dato' Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan capaian internet kelajuan yang tinggi di Sabah khususnya di kawasan luar bandar.
6. PR-1441-L11477
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan polisi berkaitan mengutamakan golongan B40 untuk memasuki Sekolah Berasrama Penuh.
7. PR-1441-L11911
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam menangani masalah yang dihadapi oleh institut memandu yang telah ditutup sejak 1 Jun akibat pandemik COVID-19.
8. PR-1441-L11962
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana latihan industri mahasiswa semasa pandemik. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah ini.
9. PR-1441-L11443
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah Kementerian bagi terus menggalakkan aktiviti pertanian dijalankan semasa pandemik COVID-19 ini bagi memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi dan nyatakan langkah Kementerian bagi membantu pengusaha-pengusaha pertanian yang terjejas akibat dari pandemik COVID-19 ini.

10. PR-1441-L12273
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tujuan, pelan tindakan dan perkembangan terkini mengenai Pembangunan Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional (e-WEN).
11. PR-1441-L11717
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan Kementerian untuk menaik taraf menara-menara komunikasi di kawasan Parlimen Hulu Rajang yang amat penting untuk pembelajaran dalam talian.
12. PR-1441-L11992
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah bantuan yang disediakan untuk pengendali bas awam di Sabah, seperti bas berhenti-henti dan bas mini, di mana mereka juga terpaksa beroperasi dengan mengurangkan kapasiti penumpang dan memendekkan masa operasi sepanjang pandemik.
13. PR-1441-L12044
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan rebat/insentif pengecualian cukai korporat kepada agensi yang terlibat memajukan pembangunan tanah terbiar di luar bandar.
14. PR-1441-L11663
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa kali Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategi Kebangsaan bagi menangani punca perkahwinan bawah umur dan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumahtangga telah bermesyuarat, jumlah kes dan hasil serta langkah mesyuarat tersebut.
15. PR-1441-L12026
Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam menghadapi cabaran isu pengajaran dan pembelajaran dalam talian serta keberkesanan pedagogi digital yang dilakukan pada ketika ini.

16. PR-1441-L12407
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rancangan untuk menyiarkan info terbaru tentang COVID-19 dan *Variant of Concern* yang baru kepada rakyat Malaysia. Apakah semua usaha itu berkesan.
17. PR-1441-L11523
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perkembangan Bantuan Khas Wanita 2021 yang dilaksanakan khususnya kepada wanita luar bandar.
18. PR-1441-L12091
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan perancangan Kementerian bagi memastikan kekurangan RM4 bilion dalam pembiayaan perdagangan untuk melaksanakan pelan komunikasi 5G fasa tahun 2021-2024.
19. PR-1441-L12625
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menangani masalah telekomunikasi untuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) untuk pelajar-pelajar di luar bandar yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 semenjak tahun 2020 ; dan
 - (b) apakah sebab dewan-dewan sekolah tidak dibenarkan untuk digunakan sebagai pusat kuarantin COVID-19.
20. PR-1441-L12481
Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bahawa ada cadangan memanjangkan lesen terhad jenis untuk sektor pertanian di bandar Raub. Di mana salah satu dorongan daripada Kerajaan menolong sektor pertanian di luar bandar.
21. PR-1441-L11958
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah sekolah baru SK Sri Sadong di Serian, Sarawak boleh ditukar nama kepada SK St Teresa, Serian.

22. PR-1441-L12532
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada harga internet akan dikurangkan lagi dalam masa terdekat dan apakah tindakan diambil untuk memastikan internet di negara ini berkualiti baik.
23. PR-1441-L11546
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai data terperinci mengenai jumlah 'pelajar hilang' atau pelajar yang tidak pernah menghadiri sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan apakah langkah Kementerian untuk membantu golongan tersebut.
24. PR-1441-L12307
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini wang yang telah dibelanjakan melalui Kumpulan Wang Disatukan semasa darurat 2021 dan bilakah Kerajaan bercadang untuk membentangnya di Dewan Rakyat.
25. PR-1441-L11553
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat ruang/platform untuk pelajar terlibat dan mempunyai perbualan yang sukar dan perbalahan dengan Kerajaan mengenai topik-topik yang amat membimbangkan mereka dengan cara yang dipandu oleh pihak sekolah dan selamat apabila mengutarakan pandangan tanpa dikenakan tindakan undang-undang.
26. PR-1441-L11762
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini penggubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual dan bilakah tarikh ia akan dibentangkan di Parlimen.
27. PR-1441-L11805
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula yuran- yuran pengajian di institusi pengajian tinggi ataupun memberikan pengurangan atau pengecualian pembayaran yuran-yuran pengajian bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga pelajar yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.

28. PR-1441-L12199
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah murid yang tercicir daripada mengikuti kelas Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) kerana masalah ketiadaan peranti serta talian dan data internet. Apakah usaha Kementerian menyelesaikan masalah ketiadaan peranti serta talian dan data internet bagi mengatasi keciciran pelajar daripada mengikuti kelas PdPR.
29. PR-1441-L11794
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan usaha yang diambil bagi mempertingkatkan tarikan di kawasan-kawasan pelancongan agro khususnya di Parlimen Besut apabila sektor pelancongan dibuka sepenuhnya nanti.
30. PR-1441-L12125
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah kes penipuan dalam talian pada tahun 2020 dan 2021, langkah-langkah proaktif Kerajaan bagi menangani kes penipuan tersebut yang meningkat tatkala Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19. Apakah boleh status jenayah ini ditukar dari jenayah komersial kepada jenayah terancang.
31. PR-1441-L11442
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan setakat manakah keberkesanan, prestasi dan pencapaian pendidikan secara atas talian (*online*) yang dijalankan secara mengikut pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di sekolah rendah dan menengah semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat dari pandemik COVID-19.
32. PR-1441-L11687
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju dengan cadangan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) yang mencadangkan moratorium pembaharuan lesen kenderaan motor (LKM) dan lesen memandu Malaysia (LLM) dilanjutkan sekurang-kurangnya hingga akhir tahun ini. Apakah alasan Kerajaan bagi menafikan ataupun bersetuju dengan cadangan tersebut.

33. PR-1441-L12146
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan rangka pelan strategik yang berkesan dalam pelaksanaan Program Minda Sihat (PMS) bagi membendung isu kesihatan mental dalam kalangan murid sekolah yang semakin kritikal.
34. PR-1441-L11714
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan yang telah disalurkan kepada SJKC Poay Chai, Johor, SJKC Kuek Ho Yao, Johor, SJKC Too Joon Hing, Selangor; dan SJKC Kuang Yu, Penang untuk dana pembinaan sejak tahun 2020 dan senarai sekolah yang telah menerima dana pembinaan dari KPM sejak tahun 2020 .
35. PR-1441-L12642
Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan Parlimen Selangau adalah satu-satunya kawasan Parlimen yang belum mempunyai Kolej Komuniti di Sarawak. Adakah Kementerian merancang untuk membina sebuah Kolej Komuniti di kawasan tersebut.
36. PR-1441-L11504
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini serta kos keseluruhan LRT3. Bila projek dijangka siap dan anggaran pelanggan yang akan menggunakan perkhidmatan ini.
37. PR-1441-L12048
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyemak tempoh pemberian biasiswa pasca siswazah yang berdasarkan tempoh minima pengajian setiap bidang dan bukan hanya 3 tahun seperti yang dilaksanakan ketika ini.
38. PR-1441-L12420
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Kementerian berkenaan lambakan sekurang-kurangnya 1.5 juta pelajar tercicir sepanjang tempoh COVID-19 berikutan kegagalan akses pada pembelajaran digital.
39. PR-1441-L12242
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menyediakan pelan pemulihan pendidikan negara secara komprehensif berdepan dengan impak pandemik COVID-19.

40. PR-1441-L11711
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status Pembukaan Institusi Baharu (PIB) bagi SMJK Heng Ee 2, Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri Kerajaan Pakatan Harapan (PH).
41. PR-1441-L12411
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah pelan strategik yang jelas dan kukuh berkenaan pembukaan sesi persekolahan pada 3 Oktober 2021 ini; dan
 - (b) setakat ini, berapa ramai kakitangan yang terlibat di insititusi pendidikan termasuk guru dan pekerja am yang masih belum mendapatkan suntikan vaksin.
42. PR-1441-L11676
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan daripada jumlah 150,000 unit komputer riba untuk pelajar yang diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2021, berapa unit komputer riba yang telah diedarkan untuk kegunaan pelajar-pelajar sehingga sekarang.
43. PR-1441-L12632
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan tidak ada sebarang perubahan kepada silibus pengajaran dan pembelajaran yang disesuaikan untuk pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh PKP sebelum ini.
44. PR-1441-L12606
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah (selain daripada memberi dana/wang tunai) untuk membantu wanita dan kanak kanak untuk:-
- (a) mengelakkan peningkatan mendadak isu keganasan domestik dan gangguan seksual atas talian sejak bermulanya *lockdown* dan mengelakkan kehilangan pekerjaan dan sumber kewangan terjejas serta peningkatan beban kerja tidak bergaji seperti menjaga ahli keluarga akibat lockdown ; dan

- (b) apakah tindakan konkrit, selain daripada undang-undang, yang telah/akan diambil untuk memberi sokongan terhadap mangsa gangguan seksual serta pelan/agenda nasional untuk memastikan kes gangguan seksual tidak berulang di masa hadapan.
45. PR-1441-L12351
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman Kerajaan secara pengeluaran bon dengan Bank Negara Malaysia (BNM) selaku Ejen Fasiliti atau dengan mana-mana cara lain dari bulan Julai sehingga sekarang. Nyatakan tujuan dan keperluan pinjaman tersebut dengan mengambil kira kedudukan kewangan negara yang sedia ada.
46. PR-1441-L11598
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana pengajaran dan pembelajaran menerusi PdPR yang berjalan sepanjang tempoh PKP mampu melahirkan pelajar yang menguasai ilmu pengetahuan secara bersemuka.
47. PR-1441-L11832
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dirancang untuk menambahkan hasil Kerajaan dan mengurangkan hutang dalam tempoh RMK-12.
48. PR-1441-L11700
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kawasan titik tengah Semenanjung. Kedudukan strategik serta wujudnya infrastruktur yang baik menghubungkan daerah ini dengan Kuala Lumpur dan daerah-daerah lain tidak mempunyai satu pun Institusi Pengajian Tinggi. Adakah Kementerian ada merancang untuk menubuhkan IPT di daerah Temerloh.
49. PR-1441-L12399
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian membuka semula universiti dengan pembelajaran secara fizikal. Jika ada, nyatakan secara jelas SOP terbaru pembelajaran di dalam universiti dan ko-kurikulum, supaya siswa-siswi, ibu bapa, pensyarah, pengusaha kantin dan badan aktiviti siswa memahami semua SOP dengan jelas.

50. PR-1441-L11625
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini Projek Pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Heawood, Sungai Siput (U).
51. PR-1441-L11454
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pelan jaringan internet di Malaysia. Berdasarkan laporan yang diperoleh dan dijalankan di Padang Serai, kelajuan internet berada di bawah 40MB dan ini tidak selari dengan standard kelajuan yang telah ditetapkan di kawasan 4G iaitu 40MB ke atas. Mohon berikan penjelasan.
52. PR-1441-L12499
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menyemak semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2021 memandangkan unjuran *Fitch Solutions* adalah amat rendah pada 0%.
53. PR-1441-L12608
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini usaha mengembalikan ketirisan hasil pendapatan negara akibat penyeludupan rokok tidak sah yang dianggarkan bernilai sebanyak RM5 bilion setahun.
54. PR-1441-L12470
Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan usaha-usaha yang dicadangkan oleh Kementerian dalam mempergiatkan pengeksportan durian sejuk beku khususnya jenama "Musang King" dan adakah cadangan meluluskan lebih banyak bilangan lesen pengeksport untuk mengelakkan sesetengah pihak memonopoli pasaran ini.
55. PR-1441-L12170
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah unit komputer riba, tablet dan peranti mudah alih yang telah diagihkan kepada pelajar di Sarawak (terutamanya di Sibu) dan apakah syarat-syarat kelayakan untuk mendapat bantuan tersebut serta cara permohonan/rayuan sekiranya mereka yang layak tercicir untuk mendapatkan bantuan tersebut.

56. PR-1441-L12502
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak negatif pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) i-Sinar dan i-Citra terhadap kemampuan KWSP untuk membeli Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS).
57. PR-1441-L12287
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 5 yang telah tercicir sejak bermulanya pandemik COVID-19 pada 2020, serta strategi yang akan dilaksana Kementerian untuk memastikan pendidikan anak-anak ini tidak ditinggalkan.
58. PR-1441-L(5)00072
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab Ericsson dipilih berbanding dengan Huawei Technologies untuk mereka dan membina jaringan telekomunikasi 5G.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

59. PR-1441-L11754
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru khusus yang mengajar anak-anak autisme di sekolah-sekolah yang menyediakan kelas pendidikan khas. Adakah jumlah guru dan peralatan am yang diperlukan mencukupi untuk kelas tersebut.
60. PR-1441-L11581
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan melaksanakan cukai ke atas e-rokok sedangkan perjualan e-rokok sebagai komoditi masih belum diluluskan.
61. PR-1441-L11820
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status pengajaran dan pembelajaran untuk mahasiswa di IPTA dan IPTS dan apakah perancangan Kementerian untuk mengembalikan semula sesi pembelajaran agar mahasiswa dapat kembali di universiti masing-masing dengan pengamalan norma baru memandangkan ramai mahasiswa berhadapan dengan masalah tekanan susulan isu kematian mahasiswa yang berlaku baru-baru ini.

62. PR-1441-L12491
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memperkenalkan semula cukai GST dan jadual masa yang sedang dirancang untuk mengatasi masalah defisit kewangan negara yang semakin meruncing.
63. PR-1441-L11871
Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan prosedur JKM dalam memantau keadaan kanak-kanak atau remaja OKU dalam penjagaan rumah kebajikan. Nyatakan berapa tenaga kerja yang terlibat dalam membuat lawatan berkala ke rumah-rumah kebajikan tersebut.
64. PR-1441-L11575
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha Kementerian meningkatkan akses kepada pengajaran atas talian isi rumah B40 yang tidak mampu menyediakan kemudahan pintar untuk kanak-kanak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
65. PR-1441-L11940
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah faktor-faktor yang diambil kira oleh Kementerian dalam membenarkan pembukaan semula sekolah secara fizikal, khususnya dari segi kadar imunisasi, kes harian dan kesiapsiagaan agar tidak berlaku banyak sekolah terpaksa ditutup beberapa hari kerana kes positif seperti mana yang berlaku pada April 2021.
66. PR-1441-L12432
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) projek jalan dan JPS yang diluluskan secara rundingan terus di bawah JANAWIBAWA dan berapa bilangan surat setuju terima tender, surat niat dan proses runding harga; dan
 - (b) berapa bilangan yang telah dikeluarkan Surat Setuju Terima Tender, Surat Niat dan Proses Rundingan Harga.

67. PR-1441-L11943
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berkenaan isu penempatan mahasiswa untuk praktikal atau latihan industri (LI). Banyak syarikat atau agensi yang ditutup ataupun tidak dapat menjalankan LI kerana PKP. Justeru apakah respon/tindakan pihak Kerajaan khususnya KPT dalam usaha terkait jaminan penempatan LI kepada mahasiswa.
68. PR-1441-L11471
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa kadar keciciran sekolah kebangsaan, termasuk sekolah rendah dan sekolah menengah sejak Ogos 2020 sehingga sekarang. Apakah perancangan KPM untuk menyelamatkan *lost generation* di kalangan murid-murid sekolah.
69. PR-1441-L12089
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perkembangan inisiatif JENDELA untuk suku pertama tahun 2021 terkait capaian dan kesalinghubungan internet khusus bagi kawasan luar bandar serta pedalaman Sabah dan Sarawak.
70. PR-1441-L12649
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha dan halatuju Kementerian bagi membantu petani yang terjejas akibat pandemik COVID-19 bagi memasarkan hasil pertanian mereka.
71. PR-1441-L12476
Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan Kerajaan dalam membantu peniaga kecil yang sudah mula gulung tikar akibat PKP yang berpanjangan. Adakah akan ada sebarang suntikan tambahan khusus untuk peniaga kecil untuk membantu mereka memulakan semula perniagaan mereka.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Dato' Hajah Azizah Binti Mohd Dun [Beaufort]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya : -

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (22 September 2021)

2. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"(a) **BAHAWA** Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk memulih serta menjana semula ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 dan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;

merestui usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030; dan

meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar, menurut Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2021.

- (b) **BAHAWA** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan sepenuh komitmen dan iltizam yang jitu untuk membangunkan negara secara mampan bagi membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum menikmati taraf hidup yang wajar. "

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 3. | (D.R 24/2020) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 5. | (D.R 14/2020) | Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 6. | (D.R 15/2020) | Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 | " |
| | | [Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi] | |
| 7. | (D.R 12/2020) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 | " |
| | | [Menteri Dalam Negeri] | |

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".

10. PR-1441-U(27)201

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."

[Perdana Menteri]

11. PR-1441-U(27)202

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

[Perdana Menteri]

12. PR-1441-U(27)203

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;
3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan
4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

[Perdana Menteri]

13. PR-1441-U(27)204
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuan] akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Perdana Menteri]

14. PR-1441-U(27)205

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuanan] akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

[Perdana Menteri]

15. PR-1441-U(27)206

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 7	Penyata Jawatankuasa Dewan, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	23 September 2021
ST. 20	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara Bagi Tahun 2019	23 September 2021

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 23.09.2021 (Khamis)	1. YB Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)	1. Masalah Pendaftaran Kenderaan Perdagangan Lama	1. YB Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri
2. 23.09.2021 (Khamis)	2. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	2. Usaha MITRA Membendung Budaya Samseng Di Kalangan Masyarakat India	2. YB Menteri Perpaduan Negara

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**